

Golongan anjur perjumpaan sulit ahli2 UMNO didedah

BAGAN DATOH, Rabu — Ketua-ketua dan ahli-ahli UMNO dalam Bahagian Bagan Datoh diberi amaran jangan melibatkan diri dengan golongan tertentu yang menyalahi peraturan dan perlembagaan parti hingga boleh memecahbelahkan perpaduan di kalangan ahli.

Amaran ini dibuat oleh Ketua UMNO Bahagian itu, Encik Mohd Yaacob bin Haji Mohamad dalam suratnya kepada Ketua-ketua dan Setiausaha-setiausaha Cawangan UMNO dalam bahagian tersebut hari ini.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Belliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Rungkup, mendedahkan adanya golongan tertentu sejak akhir-akhir ini menjalankan kegiatan yang bertentangan dengan perlembagaan dan peraturan parti.

Golongan tertentu, menurut belliau, berjaya mengadakan beberapa perjumpaan sulit dengan menjemput ahli-ahli cawangan-cawangan tertentu yang telah ditetapkan oleh penganjur perjumpaan tersebut.

Belliau mendakwa ahli-ahli yang hadir itu dianggap mewakili cawangan-cawangan masing-masing sedangkan mereka tidak mendapat mandat dari cawangannya.

Tandatangan

Belliau menegaskan, golongan tertentu menjalankan gerakan mengambil tandatangan ketua-ketua cawangan tertentu termasuk Pergerakan Pemuda dan Wanita dengan cara mengedarkan surat yang telah disediakan dengan tujuan menyokong nama bakal-bakal calon UMNO yang telah ditentukan oleh golongan itu bagi Pilihanraya Negeri dan Perskutuan yang akan datang.

Belliau berkata, semua surat yang ditandatangani itu akan dihantar kepada orang-orang tertentu di pihak atasan.

Katanya, ketua-ketua cawangan yang menandatangani itu dianggap mewakili cawangan masing-masing, sedangkan mereka tidak mendapat mandat dari jawatankuasa dan ahli-ahli cawangan berkenaan.

Encik Mohamad Yaacob Haji Mohamad, menasihatkan ahli-ahli UMNO khasnya ketua-ketua dan pegawai-pegawai UMNO semua peringkat bahagian dan cawangan jangan melibatkan diri dalam kegiatan yang tersebut.

Belliau yakin dengan cara ini akan dapat menyelamatkan ahli-ahli UMNO Bahagian Bagan Datoh dari dilanda krisis dan perpecahan sesama sendiri.